

15/04/2000

Hakim timbangtara dihukum penjara 12 bulan

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Jumaat - Seorang hakim timbangtara dihukum penjara 12 bulan oleh Mahkamah Tinggi di sini hari ini, selepas didapati bersalah menghina mahkamah dengan memfailkan petisyen pilihan raya terhadap tiga responden.

Hardial Singh Sekhon didapati melanggar arahan mahkamah dengan memfailkan petisyen pilihan raya terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datin Paduka Zaleha Ismail dan Datuk Wan Ahmad Omar, tanpa mendapatkan kebenaran mahkamah pada 20 Januari lalu.

Beliau didapati menghina mahkamah selepas melanggar arahan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Mahadev Shanker yang dikeluarkan terhadapnya pada 12 Oktober 1990 yang melarangnya membuat sebarang prosiding mahkamah tanpa mendapat persetujuan hakim.

Pada 12 Oktober 1990, Mahadev membuat keputusan itu terhadap Hardial, ketika mendengar rayuan Hardial berhubung dengan kes di Mahkamah Majistret Rawang yang menolak aduan Hardial yang meminta 60 responden, termasuk Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan Peguam Negara, Tan Sri Mokhtar Abdullah, didakwa.

Hakim Datuk Low Hop Bing dalam keputusannya hari ini, berkata terdapat prima facie bahawa Hardial menghina mahkamah kerana melanggar arahan yang dibuat pada 1990.

Low sebelum menjatuhkan hukuman bertanya kepada Hardial, sama ada beliau sedar yang beliau melaksanakan petisyen pilihan raya tanpa mendapatkan kebenaran mahkamah, Hardial berkata: "Ya".

Katanya, beliau sedar tetapi sudah mendapatkan permohonan untuk pelepasan di dua Mahkamah Tinggi tetapi kedua-dua hakim menolak permohonan itu tanpa memberikan alasan bertulis.

"Saya memohon dalam mahkamah ini bahawa saya memfailkan aduan jenayah ke atas Hakim Datuk Chin Fook Yen dan Ketua Hakim, Tan Sri Wan Adnan Ismail," katanya sambil menegaskan bahawa tuduhan itu tidak akan ditarik balik.

Sebelum menjatuhkan hukuman ke atas Hardial yang menghina mahkamah kerana melanggar arahan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 12 Oktober 1990, Low membenarkan beliau memberikan tunjuk sebab kenapa beliau tidak sepatutnya dipenjarakan.

Hardial kemudiannya meminta mahkamah menetapkan tarikh untuk membuat penghujahan bertulis dan memfailkan affidavit tunjuk sebab.

Bagaimanapun, Peguam Kanan Persekutuan, Bazain Idris meminta mahkamah menolak permohonan itu kerana terdapat beberapa permohonan difailkan sebelum ini yang jelas menunjukkan bahawa perayu sudah menghina mahkamah.

Low kemudiannya berkata, perkara membabitkan penghinaan mahkamah perlu diselesaikan segera dan menolak permohonan Hardial untuk penangguhan.

Hardial mempertikaikan keputusan itu kerana beliau berpendapat tiada kebenaran diberi daripada hakim berikutan petisyen pilihan raya itu dibawa dihadapan tribunal pilihan raya dan bukannya mahkamah.

Bagaimanapun, Bazain berkata, perayu adalah seorang yang tidak pernah belajar daripada pelbagai amaran yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi dan beliau meminta mahkamah mengenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran.

Low bersetuju dengan Bazain dan berpendapat Hardial adalah seorang yang degil yang telah mengganggu perjalanan undang-undang dan menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan.

Hardial kemudiannya membuat rayuan supaya hukuman ditangguhkan sementara menunggu keputusan Mahkamah Rayuan.

Low membenarkan permohonan itu dengan tiga syarat iaitu Hardial mesti memfailkan notis rayuan hari ini, menyerahkan pasport antarabangsa dan dikenakan ikat jamin RM15,000 dengan dua penjamin.

(END)